



مجلس باندراي ملاك برسجاره

**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA**

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod dan bidang pendaftaran yang berkaitan, memenuhi syarat **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** iaitu masih berkuatkuasa dan berstatus “PATUH” serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender bagi perolehan berikut :

BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT TENDER DITUTUP
MBMB/T/2026/2 PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN ALAT PERMAINAN KANAK-KANAK BAGI MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH PERUNTUKAN : MBMB TARIKH KELULUSAN : 20/01/2026 NO. FAIL JABATAN : MBMBJL.400-10/3/377	<u>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</u> 030501 – Peralatan Sukan Padang, Gelanggang, Rekreasi, Taman Permainan, Kecergasan dan Sukan	<u>HARGA</u> RM50.00 * Tidak akan dikembalikan <u>TARIKH</u> 10 Februari 2026 (Selasa) sehingga 02 Mac 2026 (Isnin)	TIADA	<u>TARIKH</u> 02 Mac 2026 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari Serahan tangan : Peti Tawaran Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah tender serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Tender dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya petender membuat salinan pendua daripada dokumen tender yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen tender secara dalam talian dengan harga RM50.00 bermula pada **10 Februari 2026 (Selasa) sehingga 02 Mac 2026 (Isnin)**.

Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kawangan)**. Jika tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PLB
Ketua Audit Dalam